



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

1.0 JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI TADBIR

GREED	:	N29
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	TETAP
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1
JADUAL GAJI	:	

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,493.00	RM 5,672.00	RM 145.00

2.0 SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a. Sijil Tinggi Persekolah Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM 1,493.00) ; atau
- b. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM 1,493.00)
- c. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah Gred N29 : RM 1,770.95).

3.0 SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4.0 SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu tadbir (kewangan), Pemeriksa Cap jari dan pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak di pertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke Jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- a. i. mempunyai kelayakan di perenggan 1 © atau
- ii. Lulus Peperiksaan Khas ; dan
- b. had umur pelantikan :
 - i. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun atau
 - ii. Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

5.0 Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan konsuler dan Penguatkuasaan Undang- Undang.

6.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati dengan datang sendiri ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat Bawah Blok A, Wisma Perbadanan Labuan, W. P. Labuan. Maklumat jawatan kosong serta Borang Permohonan Jawatan juga boleh didapati melalui Laman Web: www.pl.gov.my;
- ii. **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan seperti berikut:**
 - a. **Sekeping gambar (ukuran passport) terkini; (WAJIB)**
 - b. **Salinan kad pengenalan; (WAJIB)**
 - c. **Sijil lahir pemohon; (pemohon dan Ibumama) (WAJIB)**
 - d. **Sijil-sijil persekolahan dan kelulusan akademik; (WAJIB) (PT3/PMR/SPM/DIPLOMA/IJAZAH)**
 - e. **Sijil berhenti sekolah; dan**
 - f. **Sijil kegiatan luar dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. (semua salinan dokumen yang dinyatakan di atas perlu disahkan dari salinan asal oleh Pegawai Kerajaan Gred 41 dan ke atas atau pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Pendidikan untuk sijil-sijil berkaitan)**
- iii. Pemohon hendaklah bebas daripada apa-apa rekod jenayah, tidak menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya serta tiada masalah penyakit kronik yang boleh menjejaskan prestasi kerja;
- iv. Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (ii) dan (iii) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak; dan
- v. Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.

PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan hendaklah sampai kepada :

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
WISMA PERBADANAN LABUAN
TINGKAT BAWAH BLOK A
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Bil. Fail Rujukan : PL/PSM/500-9/3
No. Talian Perhubungan : 087 – 581817, 581815, 581816
Sebelum atau pada : **17 NOVEMBER 2023**

CATATAN

1. Hanya calon yang disenarai pendek akan dijemput hadir ke sesi temu duga.
2. Sekiranya pemohon yang tidak menerima panggilan untuk sesi temuduga selepas enam (6) bulan daripada tarikh iklan ditutup, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
3. Sekiranya pemohon yang dijemput hadir temuduga tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh temuduga diadakan, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
4. Perbadanan Labuan boleh melanjutkan tempoh validasi borang permohonan sehingga tempoh yang ditetapkan.

